



## **PBT PENERANG**

### **IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia khususnya kepada rakyat Negeri Johor Darul Takzim yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut.

<b>BIL</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>GRED</b>	<b>JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM</b>	<b>KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b>
1.	AKAUNTAN	W41	RM2,820.00 - RM9,585.00	RM225.00

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **KEWANGAN**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**  
**TARAF JAWATAN/BILANGAN** : **KONTRAK /1**

#### **1. SYARAT LANTIKAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- a) Warganegara Malaysia.
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- c)
  - i) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00); atau
  - ii) Lulus peperiksaan akhir Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00); atau
  - iii) Lulus Peperiksaan Kelayakan (QE) Institut Akauntan Malaysia (MIA). (Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00).

## **2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **3. SYARAT PENINGKATAN SECARA LATIKAN**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Akauntan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Akauntan Gred WA41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- a)
  - i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 ( c ); atau
  - ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
  
- b) had umur pelantikan :
  - i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

## **4. PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

Gaji Permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred W41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

## **5. DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

## **6. CARA MEMOHON**

- i. Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan mestilah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am 17 Bab A di bawah peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat, dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan hendaklah disertakan dengan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Nilain Prestasi Tahunan Terkini;

- ii. Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang boleh dimuat turun secara percuma di laman web Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang iaitu: [www.pbtpengerang.gov.my](http://www.pbtpengerang.gov.my) atau di Bahagian Sumber Manusia , Jabatan Kewangan dan Khidmat Korporat pada hari Ahad hingga Rabu dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang dan hari Khamis dari jam 8.30 pagi hingga jam 3.00 petang dengan bayaran RM1.00/set. Sila sertakan sekeping gambar terbaharu berukuran passport, dan salinan yang telah disahkan untuk semua dokumen seperti kad pengenalan, sijil kelahiran, sijil-sijil akademik dan lain-lain dokumen sokongan;
- iii. Permohonan yang lewat, tidak lengkap, tidak diakui sah atau tidak mengikut syarat di atas akan ditolak;
- iv. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Mereka yang tidak dihubungi dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri ujian dan temuduga adalah ditanggung oleh calon-calon sendiri.
- v. Bagi kelayakan Ijazah/Diploma/Sijil perlu mendapatkan pengiktirafan kelayakan di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui laman web interaktif, <http://interactive.jpagov.my/webinteraktif/frmSenaraiPengiktirafanbaru.asp> dan dilampirkan bersama *resume* permohonan;
- vi. Sila tuliskan nama jawatan yang dipohon di penjuru atas sebelah kiri sampul surat dan alamatkan kepada :

YANG DIPERTUA  
PBT Pengerang  
NO. 7 JALAN KEMPAS 1  
TAMAN DESARU UTAMA  
81930 BANDAR PENAWAR  
KOTA TINGGI, JOHOR

Pada atau sebelum : **14 Januari 2019**